



AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	14/1/2020	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

KEBUN HARAM DI CAMERON HIGHLANDS

Ditangani dengan *ihsan*Bersama
Abdul Wahab
Mohamad Ali

B

ukan satu yang mudah untuk meminta mereka yang sudah lama menghuni tanah kita dengan ihsan kita supaya mengosongkan kawasan itu bagi membolehkan usaha tertentu terhadap tanah itu dilakukan.

Senario itu yang didepani Kerajaan Pahang ketika meminta peneroka yang menduduki tanah kerajaan di Cameron Highlands supaya mengosongkan tanah berkenaan.

Walaupun kerajaan 'berkuasa' menggunakan undang-undang keras terhadap peneroka, tetapi tindakan itu tidak dilakukan kerana mengambil kira nasib kumpulan peneroka terbabit.

"Adalah sudah cukup baik apabila kerajaan negeri tidak menguatkuasakan Seksyen 425, Kanun Tanah Negara kerana jika seksyen itu, peneroka boleh didenda sehingga RM500,000 termasuk hukuman penjara lima tahun.

"Kita cuma beri notis (pengosongan) kepada peneroka haram ini." Itu kata Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail kepada media yang menemuinya, baru-baru ini.

Tindakan tegas, tetapi berihisan itu dilakukan kerajaan negeri dalam menangani isu berkaitan penguatkuasaan terhadap kebun haram di Cameron Highlands yang sedang dalam pelaksanaan menerusi Op Lestari 2.

Hakikatnya, Op Lestari 2 sepatutnya bermula 1 April tahun lalu terhadap kebun haram seluas 97.12 hektar (240 ekar) di Sungai Ichat, Kuala Terla dalam Mukim Ulu Telom, tetapi tertangguh berikutan 23 pekebun haram memperoleh perintah injunksi daripada Mahkamah Tinggi Kuantan.

Namun, pada 30 September lalu, pekebun sama menarik balik perintah injunksi itu susulan mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pemulihan Cameron Highlands dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Wan Rosdy pada 9 Disember memutuskan agar Op Lestari 2 dilancarkan semula bermula 16 Disember lalu.

Usaha ini menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya kerajaan negeri zalim susulan pelaksanaan penguatkuasaan itu. Apa yang dilakukan



sebenarnya dilihat selari dengan tuntutan agama Islam dengan mengambil kira **Surah An-Nahl, ayat 90** yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan ihsan, memberi bantuan kepada rakan-rakan dan saudara-mara, dan Dia melarang (melakukan) perbuatan keji, ketidakadilan dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepada kamu agar kamu dapat mengambil pelajaran."

Rasa ihsan kerajaan negeri terserlah apabila memberikan tempoh tiga hari kepada pekebun haram terbabit untuk menanggal dan mengangkut keluar peralatan atau barangan dari tapak kebun haram.

Untuk tempoh itu, usaha penguatkuasaan tidak dilakukan.

Bukan itu saja, kerajaan negeri masih bertimbang rasa memberi masa untuk pekebun mengosongkan kawasan itu.

Ihsan yang diberikan kerajaan negeri di sebalik keengganan

pekebun menerima hakikat bahawa mereka mengerjakan tanah secara haram dan perlu segera mengosongkannya.

Berdasarkan maklumat, sejak Ogos 2009, Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands (PDTCH) mengeluarkan notis pengosongan ke atas tanah/kebun berkenaan.

Bukan itu saja, Lesen Penempatan Sementara (TOL) yang perlu diperbaharui setiap tahun, dikeluarkan kepada pekebun atas ihsan kerajaan negeri juga, selepas menimbangkan rayuan pihak tertentu.

Namun, agak pelik apabila usaha murni kerajaan negeri ini tidak dilayan dengan baik apabila sesetengah pekebun ini melakukan aktiviti pertanian tidak menurut kehendak amalan pertanian baik, hingga mencemarkan alam sekitar.

Berdasarkan sejarah, sejak 2017, susulan banjir lumpur yang meragut nyawa dan merosakkan harta benda yang berlaku dua

tahun berturut-turut pada 23 Oktober 2013 dan 5 November 2014 di Lembah Bertam dan Pekan Ringlet dan sekitarnya, TOL tidak dikeluarkan lagi.

Malah, di Sungai Ichat sendiri, disebabkan kandungan air mentahnya tercemar teruk, niat asal kerajaan negeri untuk menjadikannya (Sungai Ichat) sebagai satu daripada dua (2) sumber air selain Sungai Terla untuk diproses oleh Loji Rawatan Air (LRA) Terla, tidak dapat dilaksanakan sehingga mengancam keperluan air dirawat bagi hampir 70 peratus penduduk Cameron Highlands.

Namun, pekebun terbabit berdegil kononnya Sungai Ichat tidak menyumbang kepada LRA Terla selain meminta dibenarkan terus mengerjakan kebun haram.

Justeru, keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ke kawasan tanah/kebun haram berkenaan pada 7 September lalu sudah memuktamadkan mengenainya.

"Setakat ini, kualiti sungai tidak baik dan kerajaan dalam proses membersihkannya. Kita mahu mana-mana pihak yang menceroboh harus berhenti kerana akibat pencerobohan ini akan memudaratkan pihak tertentu," katanya.

>>Penulis Setiausaha Akhbar kepada Menteri Besar Pahang

Rasa ihsan kerajaan negeri terserlah apabila memberikan tempoh tiga hari kepada pekebun haram terbabit untuk menanggal dan mengangkut keluar peralatan atau barangan dari tapak kebun haram